



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
OFFICE OF THE LEGAL ADVISOR

TERHAD

**ARAHAN AMALAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

Kepada:

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Dekan/Timbalan Dekan
Semua Pengarah/Timbalan Pengarah
Semua Ketua Pentadbiran
Semua Timbalan Pendaftar Kanan/Timbalan Pendaftar/Ketua Penolong Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Semua Pengetua Kolej
Semua Ketua Bahagian
Semua Pengurus Kolej

Penasihat Undang-Undang Tidak Termasuk Membuat Keputusan Dasar, Perniagaan dan Eksekutif

Tujuan

1. Arahan Amalan ini bertujuan menyeragamkan amalan penasihat undang-undang yang diberikan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) kepada pihak berkuasa Universiti, Pusat Tanggungjawab dalam Universiti, dan pegawai dan pekerja Universiti dan menggariskan parameter dan had penasihat undang-undang yang boleh diberikan oleh PPUU.

Latar Belakang

2. Penasihat Undang-Undang mendapat terdapat dalam kalangan pegawai dan pekerja Universiti yang meminta nasihat undang-undang daripada PPUU

TERHAD

mengenai sesuatu perkara atau transaksi yang ingin dimasuki antara Universiti dengan pihak ketiga dan telah meminta PPUU memutuskan mengenai perkara-perkara yang melibatkan keputusan dasar, perniagaan atau eksekutif, dalam transaksi seperti meminta PPUU memutuskan mengenai-

- a) kesesuaian jenis transaksi yang ingin dimasuki;
 - b) kesesuaian bekerjasama/usahasama dengan sesuatu pihak ketiga, atau kebolehpercayaan pada sesuatu pihak ketiga;
 - c) balasan, nilai dan faedah dalam sesuatu transaksi; dan
 - d) terma perjanjian bagi transaksi yang ingin dimasuki seperti tempoh, tanggungjawab pihak-pihak dan liabiliti Universiti.
3. Perkara yang disenaraikan di atas merupakan isu dasar dan perniagaan yang perlu diputuskan mengikut bidang kuasa eksekutif di pelbagai peringkat dalam Universiti. Peringkat membuat keputusan dasar dan perniagaan dalam Universiti antara lain:-
- a) Lembaga Pengarah Universiti
 - b) Senat
 - c) Jawatankuasa Pengurusan Universiti/Naib Canselor
 - d) Jawatankuasa Tetap Kewangan
 - e) Jawatankuasa Pengurusan Tanah dan Aset
 - f) Jawatankuasa Tender/Sebut Harga
4. Pembuatan keputusan dasar atau perniagaan bagi sesuatu transaksi dengan pihak ketiga perlu mematuhi proses dan prosedur dalaman Universiti termasuklah peraturan kewangan yang diguna pakai oleh Pejabat Bursar berdasarkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti dan Pekeliling Perbendaharaan.
5. Amalan Pusat Tanggungjawab yang bertanyakan pandangan undang-undang dan meminta PPUU memutuskan mengenai isu dasar dan perniagaan adalah tidak selaras dengan proses pembuatan keputusan yang telah ditetapkan oleh Universiti dan melanggar bidang kuasa yang telah diberikan kepada pelbagai peringkat pembuat keputusan yang disenaraikan dalam perenggan 3 dan 4 di atas.

TERHAD

TERHAD

Arahan Amalan Penasihat Undang-Undang

6. Oleh yang demikian, Penasihat Undang-Undang mengarahkan seperti berikut:-

- a) Pusat Tanggungjawab hendaklah memperoleh keputusan dasar atau perniagaan mengikut bidang kuasa pihak berkuasa Universiti yang berkenaan dan menunjukkan keputusan dasar atau perniagaan tersebut secara bertulis bagi penasihat implikasi undang-undang dalam sesuatu transaksi.
- b) Pegawai PPUU dilarang membuat keputusan dasar atau perniagaan dalam transaksi yang ingin dimasuki oleh Universiti. Pegawai PPUU hanya akan memasukkan apa-apa terma yang telah diputuskan secara dasar atau perniagaan dalam sesuatu suratcara Universiti termasuk perjanjian apabila terdapat keputusan bertulis mengenainya direkodkan oleh pihak berkuasa Universiti yang boleh membuat keputusan dasar atau perniagaan mengenai perkara itu. Pegawai PPUU hanya boleh memberikan penasihat undang-undang mengenai implikasi perundang-undangan bagi keputusan dasar atau perniagaan itu dalam sesuatu transaksi.
- c) Pusat Tanggungjawab dan pegawai yang mengarah apa-apa terma yang berkaitan dengan keputusan dasar atau perniagaan tanpa kelulusan pihak berkuasa Universiti yang berkenaan hendaklah bertanggungjawab bagi arahan sedemikian, dan pegawai PPUU perlu mencatatkan dalam fail transaksi tersebut mengenai arahan sedemikian dan nama pegawai yang mengarahnnya.

Tarikh Kuat Kuasa Arahan Amalan Penasihat Undang-Undang

7. Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta dan semua Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memberitahukan kandungan Arahan Amalan ini kepada semua staf di Pusat Tanggungjawabnya agar pegawai dan staf Pusat Tanggungjawab itu tidak meminta PPUU membuat keputusan bagi perkara

TERHAD

TERHAD

yang bukan dalam bidang kuasa PPUU membuatnya dan amalan meminta PPUU membuat keputusan bagi perkara dasar atau perniagaan dihentikan serta-merta.

Bertarikh 30 Jun 2016.
[UPM/PPUU/100-1/1/7/AA 2(2016)]

BERILMU BERBAKTI

Ratio Legis Est Anima Legis

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa
- Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
- Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat
- Pendaftar
- Bursar
- Ketua Pustakawan
- Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

TERHAD